



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HASIL PENGETAHUAN GETAH PADA HARGA PASARAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB), 1900-1941



05-4506832



NOR HASRINAH BINTI MOHD SAHI



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HASIL PENGELOUARAN GETAH PADA HARGA PASARAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB), 1900-1941

NOR HASRINAH BINTI MOHD SAHI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\)/
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12.....(hari bulan) JANUARI (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NOR HAZRINAH BTE MOHD. SAHII, MA0162001624, SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HASIL PENGELOUARAN GETAH PADA HARGA PASARAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB), 1900-1941

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, KHAIRI BIN ARIFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HASIL PENGELOUARAN GETAH PADA HARGA PASARAN DI NEGERI NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB) 1900 – 1941

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12/10/2021

Tarikh

PROF MADYA DR KHAIRI BIN ARIFFIN
 Pensyarah Kanan
 Jabatan Sejarah
 Fakulti Sains Kemanusiaan
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

HARGIL PENGETAHUAN GETAH DAPAT HARGA
PASARAN DI NEGERI -NEGERI MELAYU BERSEKITAR
(NNOMB), 1900 - 1941

No. Matrik / Matric's No.:

M20163001624

Saya / I :

NOR AFRIDAH BT MOHD. SAHIBI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)


PROF MADYA DR. KHAIRI BIN ARIFFIN
Penyayah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM,

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya dapat juga saya menyiapkan tesis ini sebagai sebahagian daripada prasyarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia). Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Khairi bin Ariffin di atas bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang telah beliau curahkan dalam usaha saya untuk menyiapkan kajian ini. Dorongan dan cadangan dan pandangan beliau di samping tempoh kajian telah banyak membantu saya dalam menyempurnakan kajian ini dengan sebaik mungkin. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) khususnya Dr. Ramli bin Saadon yang turut memberi pendapat dan bimbingan dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia (ANM), Perpustakaan Perbadanan Awam Selangor (PPAS), Perpustakaan Institusi Penyelidikan Getah (RRI), Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Perpustakaan Utama serta Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya yang turut membantu dalam mendapatkan maklumat penulisan saya. Akhir sekali penghargaan saya kepada Ayah, Ibu, abang, Kakak Ipar dan adik-adik saya yang secara tidak langsung memberi semangat dan dorongan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini begitu juga dengan sahabat-sahabat seperjuangan dan semua yang terlibat, ucapan terima kasih saya ucapkan dan hanya Allah S.W.T juga yang dapat membalas segala budi baik dan jasa mereka.

Nor Hasrinah binti Mohd Sahi

Jabatan Sejarah

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)





ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang bermula dari tahun 1900 sehingga 1941. Industri getah telah berhadapan dengan faktor-faktor ketidakstabilan dalam pengeluaran getah pada harga pasaran yang turun naik. Sehingga Perang Dunia Kedua, pasaran harga getah telah menjadikan komoditi ini sangat penting dalam mempengaruhi hasil pengeluaran dan pembukaan ladang-ladang getah di NNMB. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan membuat analisis terhadap dokumen-dokumen rasmi yang diperoleh di Arkib Negara Malaysia seperti *Colonial Office Record*, *Selangor Annual Report*, *Perak Annual Report*, *Negeri Sembilan Annual Report*, *Pahang Annual Report*, *Annual Report of Federated Malay States* dan *Colonial Reports on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States*. Dapatan kajian menunjukkan pada peringkat awal perkembangan industri getah adalah maju dan pesat dengan galakan daripada pihak kerajaan kolonial British yang telah mendorong kepada perkembangan prasarana seperti jaringan jalan perhubungan, pengangkutan, perkhidmatan telefon, perkembangan pelabuhan, kemunculan intitusi kewangan, dan sistem perbankan. Getah mendapat permintaan yang tinggi berikutan tercetusnya Revolusi Perindustrian di Eropah. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 dan kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku pada tahun 1929 telah menyebabkan harga getah jatuh mendadak dan tidak konsisten. Sekali gus, hasil pengeluaran getah juga turut terjejas. Rancangan Sekatan Stevenson yang diperkenalkan oleh pihak British pada tahun 1922 tidak dapat meningkatkan semula harga getah malah hanya dapat mengawal pengeluaran getah di pasaran. Dengan itu, pihak British telah memperkenalkan Peraturan Getah Antarabangsa pada tahun 1934 dan usaha ini telah berjaya mengatasi masalah ketidakstabilan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di NNMB. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa ketidakstabilan harga getah adalah lebih dominan dan dipengaruhi oleh masalah ekonomi yang berlaku di negara Eropah dan Amerika Syarikat. Implikasi kajian menunjukkan bahawa ketidakstabilan harga pasaran getah tidak menjelaskan permintaan terhadap pengeluaran dan kepentingan getah yang menjadi komoditi utama di NNMB.





THE PRODUCTION OF RUBBER ON THE MARKET PRICE AT THE FEDERATED MALAY STATES (FMS), 1900-1941

ABSTRACT

This study focuses on the production of rubber on the market price at the Federated Malay States (FMS), which started from 1900 to 1941. The rubber industry has been faced with factors of instability in rubber production at market price fluctuations. Until the Second World War, the rubber price market made this commodity very important in influencing the production and opening of FMS rubber estates. This study uses qualitative methods by analyzing official documents obtained from the National Archives of Malaysia such as the *Colonial Office Record*, *Selangor Annual Report*, *Perak Annual Report*, *Negeri Sembilan Annual Report*, *Pahang Annual Report*, *Annual Report of Federated Malay States* and *Colonial Reports on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States*. The findings show that in the early stage of the development of the rubber industry, the development of the British colonial government led to the development of infrastructure such as road networks, transport, telephone services, port development, the emergence of financial institutions, and the banking system. Rubber is in high demand following the outbreak of the industrial revolution in Europe. The findings also show that the First World War in 1914 and the recession of the world economy in 1929 caused the price of rubber to fall sharply and inconsistently. Thus, rubber production is also affected. The Stevenson Rubber Restriction Scheme was introduced by the British in 1922 could not raise the price of rubber, but could only control the production of rubber in the market. Thus, the British introduced the International Rubber Regulation in 1934 and this effort succeeded in overcoming the problem of instability in rubber production at the FMS market price. The findings of this study indicate that the rubber price instability is dominant and is influenced by the economic crisis in Europe and the United States. The implications of the study indicate that the price stability of the rubber market does not affect the demand for production and the importance of rubber being a major commodity in FMS.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	xi
------------------	----

SENARAI JADUAL	xviii
-----------------------	-------

SENARAI SINGKATAN	xix
--------------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	xix
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	8
1.3	Tinjauan Kajian Lepas	9
1.4	Objektif Kajian	19
1.5	Soalan Kajian	19
1.6	Kepentingan Kajian	20



1.7	Skop Kajian	21
1.8	Definisi Istilah	22
1.8.1	Getah	22
1.8.2	Harga Pasaran	23
1.9	Metodologi Kajian	25
1.10	Pembahagian Bab	27
1.11	Kesimpulan	29

BAB 2 LATAR BELAKANG INDUSTRI GETAH DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB)

2.1	Latar belakang ekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	30
2.1.1	Bijih Timah	33
2.1.2	Kopi	34
2.1.3	Kelapa	36
2.1.4	Padi	41
2.1.5	Kelapa Sawit	47
2.2	Sejarah penanaman getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	49
2.2.1	Faktor perkembangan industri pengeluaran getah di NNMB	52
2.2.1.1	Permintaan getah di pasaran dunia	52
2.2.1.2	Bekalan getah dari negara Afrika dan Brazil tidak stabil	54
2.2.1.3	Kemerosotan tanaman kopi	55
2.2.1.4	Galakan daripada kerajaan kolonial British	57
2.2.1.5	Peranan H.N Ridley	59





2.3	Pembukaan ladang-ladang getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	60
2.4	Penglibatan imigran dalam industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	67
2.4.1	Imigran India	67
2.4.2	Imigran Cina	74
2.4.3	Kemasukan orang Jawa	78
2.5	Kemudahan prasarana dalam industri getah	81
2.5.1	Jaringan jalan perhubungan dalam industri getah	81
2.5.2	Perkhidmatan telefon	85
2.5.3	Pelabuhan	87
2.5.4	Sistem perbankan	90



BAB 3 PERKEMBANGAN HASIL PENGELUARAN GETAH PADA HARGA PASARAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB), 1900-1941



3.1	Eksport dan permintaan getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	93
3.2	Indeks harga getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	113
3.3	Kenaikan dan kejatuhan harga getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	125
3.4	Kestabilan harga getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	142



**BAB 4 FAKTOR-FAKTOR KETIDAKSTABILAN HASIL PENGELUARAN GETAH PADA HARGA PASARAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB)**

4.1	Masalah lebihan hasil pengeluaran getah	155
4.2	Ketidakstabilan hasil getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	163
4.2.1	Jumlah hasil getah di Pahang	163
4.2.2	Jumlah hasil getah di Selangor	167
4.2.3	Jumlah hasil getah di Perak	169
4.2.4	Jumlah hasil getah di Negeri Sembilan	172
4.3	Pengaruh Perang Dunia Pertama tahun 1914	175
4.4	Serangan penyakit terhadap pokok getah	183
4.5	Saingan daripada getah tiruan	190
4.6	Langkah British dalam pengawalan harga getah	192
4.6.1	Penggubalan Akta Rancangan Sekatan Stevenson 1922	193

BAB 5 KESAN KETIDAKSTABILAN HASIL PENGELUARAN GETAH PADA HARGA PASARAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB)

5.1	Penyusunan semula ladang-ladang getah	205
5.2	Penubuhan Rang Undang-Undang Imigran	208
5.3	Pengurangan dalam upah atau gaji buruh getah	214
5.4	Penurunan nilai eksport getah	222
5.5	Kajian peningkatan kualiti getah dan pencegahan penyakit cendawan angin	225
5.5.1	Penubuhan Pusat Penyelidikan Getah atau <i>Rubber Research Institute</i> (RRI)	225





5.6 Pengenalan Peraturan Getah Antarabangsa atau <i>International Rubber Regulation Agreement (IRRA)</i>	231
BAB 6 KESIMPULAN	235
RUJUKAN	244
LAMPIRAN	258



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	MUKA SURAT
2.1 Jumlah Eksport Tanaman Kelapa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) bagi Tahun 1921 dan 1922	37
2.2 Jumlah Eksport bagi Tanaman Kelapa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Tahun 1923	39
2.3 Jumlah Keluasan Tanah bagi Penanaman Kelapa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Tahun 1922 dan 1924	40
2.4 Jumlah Penanaman Padi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Pada Tahun 1922	43
2.5 Jumlah Eksport Tanaman Padi di Negeri Perak Tahun 1923-1924	44
2.6 Jumlah Ekar Sawah Padi di Negeri Sembilan bagi Tahun 1929 dan 1939	45
2.7 Keluasan Tanah bagi Tanaman Kelapa Sawit di Negeri Selangor	48
2.8 Jumlah Eksport Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1910 Hingga Tahun 1914	54
2.9 Keluasan Tanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1900 Hingga Tahun 1910	61
2.10 Keluasan Tanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1911 Hingga Tahun 1921	62
2.11 Keluasan Tanah Tanaman Getah Mengikut Negeri Dalam Negeri- Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Tahun 1905 Hingga Tahun 1909 (dalam ekar)	63



2.12	Jumlah Keluasan Tanaman Getah Bagi Tahun 1906, Bilangan Pokok yang Ditanam Sehingga 31 Disember 1906 dan Bilangan Pokok yang Ditoreh di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	65
2.13	Pengagihan Ladang Getah (100 ekar dan ke atas) Mengikut Bangsa Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1938	66
2.14	Bilangan Buruh Inida yang Dibawa Masuk Mengikut Perbezaan Kaedah di Selangor Bagi Tahun 1914 Hingga Tahun 1938	70
2.15	Jumlah Buruh India di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1901, 1911, 1921, 1931 dan 1940	73
2.16	Jumlah Buruh Cina di Ladang Getah Pada Tahun 1901 dan Tahun 1913	76
2.17	Jumlah Penduduk Cina di Negeri Selangor Pada Tahun 1911, 1921 dan 1931	77
2.18	Jumlah Buruh Jawa di negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1920 Hingga Tahun 1922	80
2.19	Laluan Stesen-Stesen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Pada Tahun 1917	83
2.20	Perkhidmatan Talian Jauh di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	86
2.21	Jumlah Eksport Getah ke Pelabuhan Swettenham Bagi Tahun 1909 Hingga 1916	88
2.22	Jumlah Kapal yang Melalui Pelabuhan Swettenham Bagi Tahun 1914 Hingga 1918	89
3.1	Peratus Penggunaan Getah di Negara Barat dalam Tempoh Sepuluh Tahun bermula Tahun 1900-1910	95
3.2	Permintaan Getah Dunia Bagi Tahun 1903-1905	96
3.3	Jumlah Eksport Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Tahun 1905-1912	98
3.4	Eksport Bersih Getah Dunia, 1911-1914	100





3.5	Jualan Kilang Kenderaan Motor dan Jumlah Import Getah di Amerika Syarikat dari Tahun 1914 Hingga Tahun 1918	101
3.6	Keluasan Tanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) bagi Tahun 1909 Hingga Tahun 1918	103
3.7	Jumlah Eksport Bersih Bagi Tanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi Tahun 1919 Hingga Tahun 1921	105
3.8	Jumlah Import Bersih Dunia Bagi Tanaman Getah Pada Tahun 1919-1921	106
3.9	Jumlah Eksport Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1923 Hingga Tahun 1926	109
3.10	Jumlah Pengeluaran Hasil Getah Bagi Tahun 1932 dan Tahun 1933 Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	111
3.11	Jumlah Eksport Bersih Getah di Tanah Melayu, Indonesia dan Sri Lanka bagi Tahun 1929 Hingga Tahun 1933	112
3.12	Harga Purata Bulanan Getah di London, New York dan Singapura Bagi Tahun 1931	123
3.13	Senarai Harga Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1900 Hingga Tahun 1911	126
3.14	Senarai Harga Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1912 dan Tahun 1913	128
3.15	Jumlah Keluasan Tanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1924 Hingga Tahun 1928	134
3.16	Harga Getah Mengikut Jenis di Negeri Selangor Pada Tahun 1930	137
3.17	Perbandingan Harga Purata Getah di London, New York dan Singapura Bagi Tahun 1931 dan Tahun 1932	139
3.18	Harga Getah di Singapura Bagi Tahun 1929 Hingga Tahun 1933	141
3.19	Jumlah Sekatan Dalam Peraturan Getah Antarabangsa Bagi Tahun 1934	145
3.20	Harga Purata Getah di Singapura, London dan New York Bagi Tahun 1933 dan 1934	148



3.21	Harga Purata Bulanan Getah di Singapura Bagi Tahun 1939	150
3.22	Jumlah Pengeluaran Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1934 dan Tahun 1937	152
4.1	Jumlah Keluasan Tanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1906 Hingga Tahun 1910	157
4.2	Eksport Komoditi Getah dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Tahun 1909 Hingga 1912	159
4.3	Senarai Harga Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1912 dan Tahun 1913	161
4.4	Keluasan Tanah Tanaman Getah di Selangor Bagi Tahun 1905 Hingga Tahun 1909	167
4.5	Jumlah Ekar Tanah Bagi Getah di Ladang Sapintas, Selangor Bagi Tahun 1919 Hingga Tahun 1920	168
4.6	Jumlah Keluasan Tanaman Getah di Perak Tahun 1905 Hingga Tahun 1909	170
4.7	Jumlah Keluasan Tanaman Getah di Perak Bagi Tahun 1923	171
4.8	Jumlah Keluasan Tanah Bagi Tanaman Getah di Negeri Sembilan Tahun 1905 Hingga Tahun 1909	173
4.9	Harga Pelbagai Jenis Getah di Negeri Sembilan Pada Tahun 1903	174
4.10	Perkembangan Bagi Saiz Keluasan Pemilikan Tanah di Inas, Negeri Sembilan	175
4.11	Jumlah Purata Harga Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1914	178
4.12	Jumlah Eksport Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) 1913-1914	179
4.13	Keluasan Tanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Dalam Tempoh Perang Dunia Pertama, 1914-1918	181
4.14	Jumlah Perbelanjaan Penanaman Pokok Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Tahun 1908 Hingga Tahun 1913	185



4.15	Jumlah Perbelanjaan Penghasilan Pokok Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Tahun 1910 Hingga Tahun 1913	186
4.16	Julat Harga Getah di Singapura Pada Tahun 1920 (dalam sen per Paun sterling)	187
4.17	Jumlah Eksport Getah Tiruan Bagi Tahun 1912 Hingga Tahun 1916	191
4.18	Perbandingan Takat Pengeluaran Getah Sektor Perladangan yang Ditetapkan di Bawah Rancangan Sekatan Stevenson (1922-1925)	197
4.19	Nilai Eksport Bagi Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1922-1923	198
4.20	Jumlah Penanaman getah Pada Tahun 1922	200
4.21	Penghasilan Standard Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Bagi Tahun 1923 Hingga 1924	202
4.22	Jumlah Penyimpanan Getah Dalam Pasaran Tahun 1923-1924	203
5.1	Populasi Pertumbuhan Imigran Indonesia di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1921-1931	209
5.2	Jumlah Buruh yang Diambil dan Dihantar Semula ke Negara Asal pada Tahun 1922	210
5.3	Jumlah Bayaran Upah Buruh Kasar bagi Kerja-Kerja di Ladang Getah	215
5.4	Anggaran Jumlah Eksport Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bagi Tahun 1929-1932	223
5.5	Jumlah Eksport Getah di Selangor bermula Tahun 1928 Hingga Tahun 1932	224
5.6	Eksperimen Ladang-Ladang Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Pada Tahun 1923	227
5.7	Jumlah Ekar bagi Tanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Tahun 1923 dan 1924	228
5.8	Jumlah Keuntungan Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) 1931-1937	231





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

- 5.9 Taburan Sumbangan Perladangan Kepada Pengeluaran Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Tahun 1934-1936 233



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

CIAM *Central Indian Association of Malaya*

IRRA *International Rubber Regulation Agreement*

KTM Keretapi Tanah Melayu

Lbs Singkatan untuk menunjukkan *pound*

NNMB Negeri-Negeri Melayu Bersekutu



NNS Negeri-Negeri Selat

Ozs Singkatan untuk menunjukkan berat

RGA *Rubber Grower's Association*

RRI *Rubber Research Institute*

\$ Dolar





SENARAI LAMPIRAN

- A Pelan tanah bagi tanaman getah yang dipohon oleh Mr. H. F. Browell seluas 400 ekar di Mukim Kapar, Daerah Klang pada 06 Mei 1905
- B Buruh India yang diawasi oleh orang Eropah di Ladang Getah di Negeri Selangor Sekitar Awal Abad ke-20
- C Pokok Getah yang Ditoreh dengan Menggunakan Sistem Torehan Ibedem yang Diperkenalkan oleh H. N. Ridley
- D Jaringan Kereta Api yang Menghubungkan Negeri-Negeri di Tanah Melayu dalam Usaha Mengembangkan Industri Getah Pada Tahun 1934
- E Peta Laluan Kereta Api di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) Pada Tahun 1930





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Awal abad ke-20, perkembangan ekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) berada di fasa kemajuannya terutamanya dalam sektor pertanian. Perkembangannya telah mendorong pemodal luar khususnya pemodal Eropah untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian di Tanah Melayu. Permintaan yang tinggi terhadap pengeluaran getah pada awal



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



abad ke-20 berlaku akibatnya Revolusi Perindustrian di Eropah dan telah mendorong negara barat untuk mendapatkan bahan mentah dalam menghasilkan tayar bagi keperluan motokar dan sebagainya.¹ Buktinya nilai eksport getah mewakili lebih daripada 80 peratus barang-barang eksport yang lain dari Tanah Melayu.²

Biji benih *Hevea Brasiliensis*³ yang mudah untuk diperoleh merupakan salah satu faktor perkembangan tanaman ini. Justeru itu, kawasan-kawasan hutan ditebang dan ditanam dengan pokok getah. Harga getah pada tahun 1890 ialah \$1.70 sepaun.⁴ Tambahan pula dengan kejatuhan harga kopi membuka peluang kepada penanaman getah untuk berkembang dengan lebih pesat.⁵ Harga getah di pasaran semakin meningkat bermula pada tahun 1910 hingga 1912. Sekali gus memberi keuntungan yang lumayan kepada pihak



Seiring dengan ledakan harga getah pada tahun 1900 hingga 1912 dan juga mempunyai jalanan sistem pengangkutan yang baik⁶ menimbulkan rasa minat syarikatsyarikat perdagangan Eropah dan Negeri-Negeri Selat (NNS) untuk melabur di

¹ Lotfi Ismail. 1978. *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. Hlm 204

² Ooi Jin Bee. 1968. *Bumi, Penduduk dan Ekonomi Di- Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 193

³ *Hevea Brasiliensis* merupakan tumbuhan asli di Lebah Amazon. Pada mulanya biji benih ini ditanam hanya sebagai percubaan namun ia membawa hasil dan menguntungkan. Lihat, Ooi Jin Bee. 1969.

Bumi, Penduduk dan Ekonomi Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 213

⁴ *Ibid.* Hlm 222

⁵ Khoo Soh Hong. "Perkembangan Ekonomi Tanah di Negeri Sembilan Semasa British 1900-1940". Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 67

⁶ Zainal Abdin Abdul Wahid et.al. 1996. *Malaysia Warisan dan Perkembangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 232



Tanah Melayu. Misalnya, di negeri Selangor, penanaman getah berkembang pesat di kawasan Lembah Klang yang mempunyai perhubungan jalan raya dan kereta api di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang.⁷ Justeru itu, pihak British memberi bantuan kepada pemodal-pemodal Eropah dan menggalakkan golongan ini untuk melibatkan diri dalam industri getah di NNMB.⁸ Beberapa syarikat perdagangan British berperanan dalam mempromosikan industri getah dalam kalangan pelabur British antaranya Guthrie & Company, Harrisson & Crosfield, Barlow & Company and Edw. Boustead Limitde.⁹

Pada awal abad ke-20, kemasukan tanaman getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) tidak mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat tempatan iaitu orang Melayu. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu lebih cenderung menjalankan penanaman lain seperti kopi dan gambir¹⁰ walaupun masyarakat menyedari potensi penanaman getah. Masyarakat Melayu tidak begitu yakin dengan penanaman getah di Tanah Melayu kerana getah merupakan tanaman yang berasal dari luar Negara iaitu Brazil dan masyarakat tempatan beranggapan bahawa getah tidak sesuai untuk ditanam di Tanah Melayu. Selain itu, masyarakat Melayu juga kurang yakin dengan hasil dan keuntungan yang diperoleh daripada penanaman getah kerana getah memerlukan satu tempoh yang

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.* Hlm 71

⁹ J. H. Drabble. 1967. *The Plantation Rubber Industry in Malaya Up To 1922. The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Vol 40, No. 1 (211), pp 52-77

¹⁰ Rahimah binti Mohd Nor. "Sejarah Perkembangan Industri Getah di Negeri Sembilan dari Tahun 1945 Hingga Tahun 1975" Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 2

agak lama untuk mengeluarkan hasil iaitu enam tahun hingga ke tujuh tahun.¹¹ Justeru itu, masyarakat Melayu lebih cenderung untuk meneruskan tanaman asal mereka.

Perlantikan seorang pegawai British yang bertugas sebagai Pengarah Taman Bunga Singapura iaitu H. N. Ridley telah mengalihkan pandangan masyarakat Melayu untuk lebih menumpukan perhatian kepada tanaman getah. Usaha yang dilakukan oleh H. N. Ridley antaranya adalah dengan memperkenalkan teknik torean dengan menggunakan pahat¹² atau dikenali juga sebagai sistem *ibedem* atau sistem tulang ikan herring.¹³ Kaedah ini dilakukan dengan menoreh jalur nipis pada kulit pokok getah mengikut corak tulang ikan dan membiarkan susu getah meleleh masuk ke dalam mangkuk kecil. Menurut beliau, dengan kaedah ini tidak merosakkan pokok getah malah membolehkan pokok getah ditoreh setiap hari selama beberapa tahun tanpa mengurangkan hasil susu getah tersebut.¹⁴

Apabila penanaman getah berkembang maju, getah menjadi hasil tanaman dagangan yang terbesar dan terpenting di dunia. Perdagangan getah ini dilakukan secara besar-besaran dan telah dimulakan pada tahun 1898 oleh Tan Chay Yan iaitu seorang berbangsa Cina yang berasal dari Melaka dan seterusnya diikuti oleh orang Eropah.¹⁵

¹¹ Zainal Abidin Abdul Wahid et.al. *Malaysia Warisan dan Perkembangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasan dan Pustaka. Hlm 230

¹² Mohd Bahadun. 1978. *Getah Asli Memasuki Abad Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 28

¹³ Mohd. Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Hlm 194

¹⁴ Lotfi Ismail. 1978. *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. Hlm 204

¹⁵ Ooi Jin Bee. 1968. *Bumi, Penduduk dan Ekonomi Di-Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 211



Pada tahun 1913 hingga 1921 telah menunjukkan perubahan terhadap harga getah di Tanah Melayu yang tidak konsisten sehingga pada tahap yang teruk. Misalnya, peristiwa Perang Dunia Pertama telah menyebabkan kejatuhan harga getah sehingga mencapai 1.6 sen per paun dan merupakan harga terendah yang direkodkan dalam perkembangan industri getah di NNMB. Secara tidak langsung membantutkan minat sesetengah pemodal Eropah untuk melibatkan diri dalam industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak British bagi memulihkan keadaan ekonomi di NNMB bagi meningkatkan semula harga getah dengan menitikberatkan aspek teknik memproses getah dan sistem pemasarannya. Di samping itu, terdapat juga usaha untuk meningkatkan taraf kecekapan keseluruhan industri getah¹⁶.



Usaha ini membuatkan hasil dengan harga getah meningkat semula iaitu 1.6 sen pada tahun 1914 meningkat kepada 2.6 sen per paun pada tahun 1915. Seterusnya, pihak British mengambil langkah untuk menambahkan kawasan tanah bagi penanaman getah. Buktinya, keluasan tanah mencecah satu juta ekar pada tahun 1917 di Tanah Melayu.¹⁷ Walau bagaimanapun, kenaikan harga getah ini iaitu 2.6 sen tidak berkekalan kerana pada tahun berikutnya harga getah jatuh semula. Hal ini merumitkan keadaan ekonomi di NNMB kerana kira-kira 60 peratus keluasan tanah yang ditanam dengan pokok getah telah

¹⁶ Zainal Abidin Abdul Wahid et.al. 1996. *Malaysia Warisan dan Perkembangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 233

¹⁷ *Ibid.*



sesuai untuk ditoreh. Di samping itu, kos pengangkutan dan pengeluaran juga meningkat.¹⁸

Kesannya, banyak syarikat perladangan getah tidak mendapat keuntungan yang banyak.

Kejatuhan harga getah pada tahun 1917 sehingga tahun 1921 berterusan menyebabkan pihak British mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan semula harga getah. Pihak British memperkenalkan Rancangan Sekatan Stevenson pada bulan November 1922.¹⁹ Rancangan ini diperkenalkan adalah bagi meningkatkan harga getah dan menstabilkannya pada harga 54 sen sepaun yang sebelum ini adalah berjumlah 23 sen per paun melalui sekatan pengeluaran dengan mengenakan kuota sebanyak 60 peratus daripada jumlah pengeluaran tahun 1920.¹⁹ Walau bagaimanapun, duti eksport yang tinggi akan dikenakan sekiranya terdapat lebihan pengeluaran.²⁰ Pada tahun 1925, harga getah telah berjaya dinaikkan kepada \$4.17 sen akibat daripada pengurangan penawaran getah.²²

Hanya Negara naungan British sahaja yang menyokong rancangan ini iaitu Tanah Melayu dan Sri Lanka. Belanda di Indonesia tidak ingin menyertai Rancangan Sekatan Stevenson ini dan masih mahu meneruskan tanpa mengawal kuantiti pengeluaran getah dalam negaranya.²¹ Oleh itu, jumlah eksport dari Hindia Belanda melebihi jumlah permintaan. Akhirnya, Rancangan Sekatan Stevenson ini diberhentikan pada 31 Oktober 1928.²²

¹⁸ *Ibid.* Hlm 233

¹⁹ J. Kennedy. 1962. *A History of Malaya A. D 1400-1959*. London: Macmillaan & Co Ltd. Hlm 206

¹⁹ Zainal Abidin Abdul Wahid. 1996. *Malaysia Warisan dan Perkembangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 234

²⁰ *Ibid.* hlm 206

²² Colin Barlow, *The Natural Rubber Industry*. Hlm 58-59. Lihat juga J. H Drabble, *Rubber In Malaya*. Hlm 190

²¹ *Ibid.* hlm 191

²² *Ibid.* hlm 234

Berikutnya berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1929 merumitkan keadaan ekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan gelombang kedua pada tahun 1930-an. Peristiwa ini memburukkan keadaan apabila kejatuhan harga sehingga mencapai 7.07 sen sepaun pada tahun 1932.²³ Keadaan ini mendesak beberapa pekebun kecil di estet-estet untuk berhenti menoreh buat sementara waktu.²⁴ Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak British misalnya Rancangan Cuti Menoreh Mei 1930 diperkenalkan tetapi gagal kerana pekebun kecil masih meneruskan penorehan getah.²⁵ Selain itu, pihak British juga telah mengurangkan jumlah pekerja di ladang getah dan mengurangkan upah pekerja yang tidak diberhentikan namun usaha ini tidak dapat mengatasi masalah ekonomi yang berlaku di NNMB.

Dengan harga getah yang terus di paras yang rendah, pihak British melakukan sekatan terhadap pengeluaran dengan memperkenalkan Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa pada tahun 1934.²⁶ Perjanjian ini turut ditandatangani oleh Negara yang mempunyai 98 peratus keluasan tanah tanaman getah di seluruh dunia seperti Belanda, India, Perancis dan Siam. Perjanjian ini telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 1934 dan berakhir pada tahun 1943. Akhirnya, perjanjian ini berjaya mengatasi masalah penurunan harga getah dan syarikat-syarikat getah mula memperoleh keuntungan.

²³ *Ibid.* Hlm 235

²⁴ H. A. Tempany. 1933. *Annual Report of the Department of Agriculture, S.S. and F. M. S for The Year 1932*. Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press. Hlm 5

²⁵ *Ibid.* Hlm 5

²⁶ H. A Tempany.1935. *Annual Report of the Department of Agriculture, Straits Settlement and Federated Malay States for the Year 1934*. Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Press.

Kegemilangan industri getah di NNMB tidak berpanjangan kerana pada akhir tahun 1941, Jepun telah menyerang Tanah Melayu dan juga telah meletusnya Perang Dunia Kedua menyebabkan industri getah tidak dapat diteruskan seperti sedia kala. Perang Dunia Kedua juga turut membantutkan perkembangan industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Hasil ekonomi tidak dapat dieksport dan syarikat-syarikat perladangan getah tidak mendapat keuntungan lagi.

1.2 Permasalahan Kajian

Pada awal abad ke-20, ekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) telah menunjukkan terdapat perubahan dalam pengeluaran hasil getah. Perubahan perkembangan industri getah ini merupakan fenomena baru yang dialami dalam industri getah. Industri getah tidak hanya menempuh zaman gemilang semata-mata, industri getah juga menempuh zaman-zaman gelapnya.²⁷

Pengeluaran hasil getah di NNMB didapati mengalami turun naik bermula tahun 1914 yang dipengaruhi oleh perubahan harga di pasaran akibat terjadinya Perang Dunia Pertama. Hal ini telah membantutkan minat sesetengah pelabur Eropah untuk melibatkan diri dalam industri getah. Terdapat beberapa usaha telah dilakukan oleh pihak kolonial British bagi meningkatkan semula pengeluaran hasil getah dengan meningkatkan semula

²⁷ Lotfi Ismail. 1978. *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. Hlm 207

harga pasaran getah. Usaha tersebut berjaya dilakukan dan pada tahun 1915, harga getah meningkat semula tetapi tidaklah berkekalan kerana harga getah jatuh semula pada tahun 1918. Keadaan ini memberi kesan kepada pengeluaran hasil getah di NNMB kerana kira-kira 60 peratus daripada jumlah kluasan tanah yang ditanam dengan getah sudah sesuai untuk ditoreh²⁸ dan banyak syarikat perladangan getah tidak mendapat keuntungan sepatutnya. Walaupun pengeluaran hasil getah berjaya ditingkatkan pada tahun 1919 namun ia jatuh semula dan tidak konsisten pada tahun 1921. Fenomena ketidakstabilan harga getah berterusan sehingga kemasukan Jepun pada tahun 1941.

1.3 Tinjauan Kajian Lepas

Industri tanaman getah berkembang pesat di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) semasa berlakunya Revolusi Perindustrian di Eropah akhir kurun ke-18. Permintaan terhadap getah meningkat dengan mendadaknya sehingga menjadikan tanaman ini terpenting dan terbesar di dunia. Dengan perkembangan ini telah mendorong pelabur Eropah khususnya untuk melibatkan diri dalam penanaman getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Justeru itu, perkembangan ini telah menarik minat ramai penyelidik untuk melakukan kajian mengenai perkembangan getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu semasa zaman kolonial British.

²⁸ Zainal Abidin Abdul Wahid et.al. 1996. *Malaysia Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 233

Hasil awal tinjauan terhadap kajian lepas yang telah dilakukan, kebanyakan kajian lebih menjurus kepada kajian terhadap tanaman getah secara umum di negeri-negeri yang berkembang pesat dalam penanaman getah khususnya di negeri Selangor. Namun begitu, tidak begitu banyak maklumat atau kajian yang diperoleh yang lebih membincangkan mengenai hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Jika ada, kajian tersebut hanya menyentuhnya secara ringkas sahaja.

Antara kajian yang mempunyai hubungkait dengan penyelidikan ini adalah “*Railways, Roads and Communications: Their Contribution to Asymmetrical Economic Development in Malaya 1870s-1940s*” oleh Amarjit Kaur.²⁹ Ia merupakan disertasi Ijazah Doktor Falsafah yang khusus membincangkan aspek pengangkutan seperti kereta api dan jalan raya serta komunikasi yang menjadi lambang kemajuan dalam aspek ekonomi di Tanah Melayu. Kajian ini dilihat menumpukan perhatian kepada Negeri-Negeri Selatan (NNS) dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Beliau menyatakan bahawa perkembangan ekonomi di Tanah Melayu adalah didorong oleh perkembangan dalam kereta api, jalan raya dan komunikasi.

Amarjit Kaur menjelaskan istem perhubungan yang baik merupakan faktor utama dalam perkembangan industri getah pada awal abad ke-20. Misalnya, di negeri Selangor, pusat perkembangan getah adalah di Lembah Klang yang mempunyai hubungan jalan raya

²⁹ Amarjit Kaur.1978. “*Railways, Roads, and Communications: Their Contributions to Asymmetrical Economic Developments in Malaya 1870s-1940s*. Tesis Doktor Falsafah. Columbia University

dan kereta api yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Port Swettenham.³⁰ Dengan kemajuan sistem perhubungan ini memudahkan dan melancarkan pengangkutan hasil getah dari kawasan pedalaman atau estet ke pelabuhan. Walau bagaimanapun, kajian Amarjit Kaur tidak menyatakan dan mengaitkan perkembangan infrastruktur dengan perkembangan hasil pengeluaran getah serta tidak menyatakan statistik hasil pengeluaran getah pada harga pasaran dalam kajian beliau. Kajian Amarjit Kaur ini hanya menjelaskan perkembangan industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) secara umum. Justeru itu, perbezaan yang jelas dapat dilihat dalam kajian ini ialah lebih menumpukan perhatian kepada hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di NNMB dengan menyatakan bukti perkembangan hasil pengeluaran getah di setiap negeri iaitu Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan dalam tempoh yang dikaji.

Seterusnya, kajian hasil tulisan Durrishah Idrus yang bertajuk *Tanah dan Pertanian Orang Melayu Di Negeri Sembilan 1900-1940*³¹ juga merupakan kajian yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Kajian yang dihasilkan oleh Durrishah Idrus menumpukan perhatian kepada dua jenis pertanian iaitu padi dan getah. Dalam skop kajian penanaman getah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu latar belakang industri getah di Negeri Sembilan, perkembangan penanaman getah di Negeri Sembilan, pekebun kecil getah Melayu dan masalah tanah simpanan Melayu. Walau bagaimanapun, kajian Durrishah Idrus tidak menerangkan secara terperinci mengenai hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di

³⁰ *Ibid.* Hlm 90

³¹ Durrishah Bt. Idrus.1993. “*Tanah dan Pertanian Orang Melayu Di Negeri Sembilan 1900-1940*”. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Jabatan Sejarah. Universiti Malaya.

Negeri Sembilan. Durrishah Idrus lebih menumpukan perhatian kepada jumlah eksport getah pada tempoh tertentu dan masalah tanah simpanan orang Melayu. Misalnya, beliau hanya menyatakan jumlah eksport getah pada awal perkembangan industri getah di NNMB iaitu awal abad ke-20. Perbezaan dengan kajian ini ialah lebih menjelaskan mengenai perkembangan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran dengan menerangkan secara terperinci hasil pengeluaran getah di NNMB dalam tempoh yang dikaji iaitu tahun 1900 hingga tahun 1941. Selain itu, dalam kajian ini juga memfokuskan kepada faktor-faktor ketidakstabilan hasil pengeluaran getah serta kesan terhadap perkembangan industri getah di NNMB.

Selain itu, Ezwan Arman turut menghasilkan kajian yang bertajuk “*Science and Technology Transfer Under Colonial Administration: A Case Study of Agricultural Policy and Development In British Malaya (1905-1957)*”.³² Secara keseluruhannya, kajian Ezwan Arman ini lebih menerangkan mengenai dasar-dasar yang diperkenalkan oleh British dalam sektor pertanian di Tanah Melayu. Misalnya dalam penanaman getah, British telah memperkenalkan Rancangan Sekatan Stevenson pada tahun 1922 dalam meningkatkan harga getah. Walau bagaimanapun, kajian yang dihasilkan oleh Ezwan Arman tidak menjelaskan secara statistik mengenai hasil pengeluaran getah pada harga pasaran, jumlah eksport, jumlah kluasan tanah dan sebagainya dan pengkaji hanya lebih menumpukan perhatian kepada Rancangan Sekatan Stevenson yang diperkenalkan oleh kolonial British

³² Ezwan Arman bin Noor Kamar. 2008. “*Science and Technology Transfer Under Colonial Administration: A Case Study of Agricultural Policy and Development In British Malaya (1905-1957)*”. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Fakulti Sains. Universiti Malaya.



di NNMB pada tahun 1922. Jelas dilihat perbezaan yang sangat ketara dalam kajian ini adalah kajian ini lebih menekankan dan menerangkan secara menyeluruh dan terperinci mengenai hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di NNMB dalam tempoh yang dikaji dengan menyatakan statistik yang diperoleh dari laporan-laporan tahunan.

Seterusnya, kajian yang dihasilkan oleh Peter Anak Bong Jee yang bertajuk “*Ekonomi Selangor antara Dua Kemelesetan 1920-1940: Tumpuan Kepada Aspek Pertanian*”³³ juga menyentuh soal industri getah di NNMB. Dalam kajian beliau, Peter Anak Bong Jee mengetengahkan beberapa jenis pertanian tradisional seperti sayursayuran, buah-buahan, padi, kelapa dan juga tanaman dagangan iaitu tembakau, kopi dan getah. Dapat dirumuskan bahawa kajian Peter Anak Bong Jee adalah lebih menjurus kepada penerangan mengenai perkembangan pertanian di Selangor ketika berlakunya zaman kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1920-an dan tahun 1930-an. Bagi industri getah, penulis dikenalpasti lebih menumpukan perhatian kepada kesan perubahan terhadap jumlah keluaran dan jumlah eksport getah yang berpunca daripada kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an. Perbezaan yang jelas dilihat dengan kajian ini adalah kajian ini menerangkan dengan menyeluruh mengenai hasil pengeluaran getah pada harga pasaran. Selain itu, kajian ini juga menyentuh faktor-faktor ketidakstabilan hasil pengeluaran getah dan kesannya terhadap perkembangan ekonomi di NNMB dalam tempoh yang dikaji.

³³ Peter Anak Bong Jee. 2007. “*Ekonomi Selangor Antara Dua Kemelesetan 1920-1940: Tumpuan Kepada Aspek Pertanian*”. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah. Universiti Malaya.hlm 78



Begitu juga dengan kajian oleh Masziah Mohamad yang bertajuk *Sejarah Pertanian Komersial di Selangor: Dengan Perhatian Kepada Kopi, Getah, Padi dan Kelapa, 1900-1941*.³⁴ Penulis menjelaskan aspek penanaman getah secara umum tanpa menyatakan dengan jelas mengenai perkembangan hasil pengeluaran getah di NNMB serta perubahan harga pasaran getah semasa berlakunya zaman kemelesetan ekonomi dunia. Masziah Mohamad lebih menumpukan perhatian kepada sejarah awal penanaman getah di Selangor. Perbezaan yang jelas dilihat dengan kajian ini adalah lebih tertumpu kepada perkembangan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di NNMB dalam tempoh yang dikaji. Selain itu, kajian ini juga melihat dengan terperinci mengenai faktorfaktor ketidakstabilan hasil pengeluaran getah dan kesan terhadap ekonomi di NNMB. Sumber rujukan yang digunakan Masziah Mohammad adalah lebih kepada sumber kedua berbanding dengan sumber pertama. Berbeza dengan kajian ini sumber pertama menjadi keutamaan dalam memperoleh maklumat yang sahih bagi menyiapkan penulisan dengan sempurna.

Antara perintis kajian mengenai industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) ini ialah jurnal “*Malayan Peasant Smallholders And The Stevenson Restriction Scheme, 1922-1928*”³⁵ yang ditulis oleh Lim Teck Ghee dalam *The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society (MBRAS)*. Penulisan jurnal ini lebih memfokuskan kepada sekatan yang dijalankan terhadap pengeluaran getah terhadap pekebun kecil di Tanah

³⁴ Masziah binti Mohamad. 2009. “*Sejarah Pertanian Komersial di Selangor: Dengan Perhatian Kepada Kopi, Getah, Padi dan Kelapa, 1900-1941*”. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah. Universiti Malaya.

³⁵ Lim Teck Ghee. 1974. Malayan Peasant Smallholders and The Stevenson Restriction Scheme, 1922-1928, *JMBRAS*, Vol.47, No 2 (226)(1974). Pp. 105-122

Melayu. Jurnal ini lebih membincangkan mengenai Rancangan Sekatan Stevenson yang diperkenalkan pada tahun 1922 bagi tujuan meningkatkan semula harga getah dan turut menyentuh kesan positif dalam menjalankan rancangan ini terhadap pekebun kecil. Walaupun lengkap membicarakan mengenai Rancangan Sekatan Stevenson 1922, jurnal ini kurang memberi tumpuan terhadap perubahan harga pasaran getah semasa rancangan ini dilaksanakan. Penulisan Lim Teck Ghee ini memberikan sedikit gambaran mengenai perkembangan industri getah di NNMB ketika berlakunya penurunan harga pasaran getah. Perbezaan dengan kajian ini adalah lebih menerangkan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran pada awal perkembangan tanaman getah iaitu pada awal abad ke-20 sehingga kemasukan tentera Jepun yang membawa kepada kemerosotan tanaman getah di NNMB.



“*The British and Rubber in Malaya, c 1890 – 1940*”³⁶ juga merupakan jurnal yang berkaitan dengan kajian ini yang ditulis oleh Jim Hagan dan Andrew Wells. Secara keseluruhannya, jurnal ini terbahagi kepada tiga subtopik iaitu modal, pekerja dan tanah. Jurnal ini lebih menumpukan perhatian kepada dasar yang diperkenalkan oleh British dalam mengembangkan industri getah di Tanah Melayu. Misalnya, dasar yang diperkenalkan ialah dasar tanah simpanan yang dikawal sepenuhnya oleh pihak British untuk penanaman getah. Penulis juga memfokuskan kepada usaha British dalam membawa masuk imigran India dan Cina dalam mengusahakan penanaman getah. Walau bagaimanapun, kajian yang dihasilkan oleh Jim Hagan dan Andrew Wells tidak menyatakan kesan-kesan usaha yang dilakukan oleh British terhadap perkembangan

³⁶ James Hagan dan Andrew Wells. 2005. *The British and Rubber in Malaya, c 1890-1940*. University of Wollongong. Australia, Faculty of Law, Humanities and the Arts. Pp 143-150

industri getah. Kajian im Hagan dan Andrew juga dikenalpasti lebih menumpukan perhatian kepada dasar-dasar yang diperkenalkan oleh British tanpa mengambil kira perkembangan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran. Berbeza dengan kajian ini yang lebih menumpukan perhatian mengenai hasil pengeluaran getah pada harga pasaran dalam tempoh kajian dengan menunjukkan statistik-statistik serta menerangkan dengan lebih jelas mengenai faktor dan kesan ketidakstabilan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di NNMB.

Selain daripada tesis dan jurnal, buku-buku juga turut menjadi rujukan dalam penyelidikan ini. Antara buku utama yang menjadi rujukan ialah “*Land, People and Economy in Malaya*”³⁷ yang ditulis oleh Oii Jin-Bee. Kepentingan buku Oii Jin-Bee terhadap penyelidikan ini adalah kandungannya yang membincangkan mengenai perkembangan ekonomi masyarakat tempatan di Tanah Melayu. Kajian Oii Jin-Bee banyak memberikan maklumat mengenai industri getah serta harga pasarannya di Negeri Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Buku ini bukan sahaja menceritakan asal usul getah tetapi turut menceritakan secara ringkas perubahan harga pasaran getah ketika berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1920-an dan 1930-an. Selain itu, Oii Jin-Bee juga menyatakan kesan sekatan pengeluaran getah yang dilakukan terhadap harga pasaran getah di Tanah Melayu. Meskipun begitu, Oii Jin-Bee hanya menjelaskan secara ringkas mengenai harga pasaran getah dan kurang menyatakan statistik hasil pengeluaran getah di NNMB. Berbeza dengan kajian ini hasil pengeluaran getah pada harga pasaran menjadi

³⁷ Oii Jin-Bee. 1976. *Peninsular Malaysia: Land, People and Economy in Malaya*. New York: Longman Group Limited London

tumpuan berdasarkan tempoh yang dikaji. Selain itu, dalam kajian ini juga menyentuh soal faktor-faktor ketidakstabilan hasil pengeluaran getah dan kesannya terhadap industri getah di NNMB.

“*Malaysia Its Political and Economic Development*”³⁸ yang ditulis oleh John Gullick pada tahun 1986 juga salah satu buku yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Buku ini mengandungi sepuluh bab. Keseluruhan penjelasan mengenai perkembangan industri getah terkandung dalam satu bab yang bertajuk “*Agriculture, Mining, Industry and Trade*”. Secara keseluruhannya, penulis menjelaskan perkembangan penanaman getah di Tanah Melayu pada awal kemasukan tanaman getah ke Tanah Melayu sehingga kemerdekaan. Meskipun begitu, maklumat yang diperoleh berdasarkan tajuk kajian penyelidik adalah sehingga tahun 1922 sahaja. Tambahan pula, penulisan John Gullick ini hanya menyentuh secara umum dan ringkas mengenai perkembangan industri getah iaitu dengan hanya menumpukan kepada usaha-usaha British dalam meluaskan tanah bagi tanaman getah dan mengimport buruh bagi mengusahakan tanaman getah. Selain itu, John Gullick juga didapati lebih memfokuskan kepada perkembangan industri getah selepas kemasukan Jepun sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Berbeza dengan kajian ini yang lebih menekankan mengenai hasil pengeluaran getah pada harga pasaran setelah berkembangnya tanaman ini di NNMB iaitu bermula tahun 1900 hingga tahun 1941 serta menjelaskan faktor dan kesan ketidakstabilan hasil pengeluaran getah di NNMB.

³⁸ John Gullick. 1986. *Malaysia Its Political and Economic Development*. Selangor: Pelanduk Publications.



Buku John Gullick yang berjudul “*A History of Negeri Sembilan*”³⁹ juga penting kepada penyelidikan ini kerana penulis bukan sahaja mengetengahkan pentadbiran di Negeri Sembilan, buku ini juga menceritakan sejarah perkembangan ekonomi di Negeri Sembilan khususnya getah dan bijih timah. Walau bagaimanapun, penceritaan John Gullick mengenai perkembangan industri getah di Negeri Sembilan adalah secara umum iaitu menyentuh soal sejarah awal penanaman getah di Negeri Sembilan dan tidak memfokuskan kepada hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di negeri tersebut. Berbeza dengan kajian ini yang lebih menerangkan mengenai hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di NNMB. Di samping itu, kajian ini juga menyentuh mengenai faktor-faktor ketidakstabilan hasil pengeluaran getah yang memberi kesan terhadap ekonomi di NNMB khususnya dalam industri getah. Namun begitu, sedikit sebanyak memberikan idea kepada penyelidik untuk memperkemaskan lagi kajian ini.

John Gullick juga menulis satu buku yang bertajuk “*A History of Selangor (1766-1939)*”⁴⁰ yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Keseluruhan penjelasan mengenai ekonomi di Selangor terkandung dalam bab “*The Development of Agriculture*”. Dalam bab ini, John Gullick lebih menumpukan perhatian kepada industri getah dan bijih timah. Namun begitu, perbincangan mengenai tanaman getah lebih tertumpu kepada kemasukan imigran-imigran ke Selangor dalam mengusahakan dan mengembangkan penanaman getah. John Gullick juga kurang menyatakan jumlah atau statistik jumlah eksport dan

³⁹ J. M. Gullick. 2003. *A History of Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society (MBRAS)

⁴⁰ J. M. Gullick. 1998. *A History of Selangor (1766-1939)*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society (MBRAS)





import bagi industri getah di Negeri Selangor. Berbeza dengan kajian ini yang lebih tertumpu kepada jumlah hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di NNMB berdasarkan tempoh yang dikaji dengan membuktikannya melalui data statistik yang diperoleh dari sumber pertama. Di samping itu, kajian ini juga menjelaskan faktor dan kesan yang mempengaruhi ketidakstabilan hasil pengeluaran getah di NNMB.

1.4 Objektif Kajian

- a. Mengkaji latar belakang industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).
- b. Mengkaji perkembangan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).
- c. Mengkaji faktor-faktor ketidakstabilan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).
- d. Menganalisis kesan ketidakstabilan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).

1.5 Soalan Kajian

- a. Bagaimakah latar belakang industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)
- b. Sejauhmanakah perkembangan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di



Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

- c. Apakah faktor-faktor ketidakstabilan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)
- d. Apakah kesan ketidakstabilan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan mengenai perkembangan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) amat kurang dilakukan. Kebanyakan kajian lepas seperti kajian yang dilakukan oleh Masziah Mohammad yang bertajuk *Sejarah Pertanian Komersil di Selangor: Dengan Perhatian Kepada Kopi, Getah, Padi dan Kelapa, 1900-1941* hanya menumpukan kepada satu negeri di Tanah Melayu yang berkembang pesat dengan tanaman getah iaitu Selangor. Selain itu, penyelidikan yang dihasilkan juga lebih tertumpu kepada sejarah awal penanaman getah, masalah yang dihadapi dalam industri getah dan usaha-usaha pihak British bagi mengembangkan dan mengatasi masalah dalam industri getah. Hal ini mungkin disebabkan penyelidik menyedari kemajuan dan perkembangan penanaman getah namun tidak menyedari perubahan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran khususnya ketika tercetusnya Perang Dunia Pertama pada tahun 1913 dan kemelesetan ekonomi dunia pada awal tahun 1920-an dan tahun 1930-an serta faktor-faktor yang membawa kepada perubahan berkenaan.

Hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada zaman kolonial British ini sekaligus memberi gambaran turun naiknya industri getah di Tanah Melayu pada waktu itu. Di samping itu, nilai kajian yang dihasilkan ini menjadi perintis yang menyumbang kepada dunia penyelidikan sejarah. Selain itu, sumber pensejarahan yang berkaitan dengan ekonomi getah di NNMB menjadi sumber rujukan serta panduan kepada generasi baru akan datang.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini pada tempoh masa dari tahun 1900 hingga tahun 1941. Pemilihan tempoh masa tersebut adalah kerana tempoh berkenaan merupakan tempoh perkembangan dan kemerosotan industri getah zaman kolonial British di Tanah Melayu. Skop masa kajian bermula pada tahun 1900 kerana pada tahun tersebut merupakan tahun permulaan perkembangan industri getah di Tanah Melayu yang telah dibawa masuk dan diusahakan oleh pihak British. Tahun 1941 pula dipilih sebagai skop masa berakhir ekoran serangan Jepun ke atas tanah Melayu⁴¹ sekali gus menjelaskan perkembangan industri getah di Tanah Melayu.

Lokasi penyelidikan pula adalah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) iaitu negeri Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Pemilihan NNMB ini dilakukan

⁴¹ Oong Hak Ching.1996. Penggubalan Dasar British Terhadap Tanah Melayu Semasa Perang Dunia Kedua. *JEBAT* 24 (1996): 85-100



adalah berikutan perluasan dan perkembangan industri tanaman getah yang menjadi pilihan pihak British. Negeri-negeri ini menjadi pilihan British untuk mengusahakan pertanian sehingga membawa masuk tanaman baru iaitu getah yang diperoleh dari Brazil bagi menggantikan tanaman tradisional yang diusahakan oleh masyarakat tempatan.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Getah

Pokok getah atau nama saintifiknya *Hevea Brasiliensis* adalah sejenis tanaman tropika dari lembah Amazon, Amerika Selatan. Zaman kini getah menjadi satu sumber utama untuk kegunaan di seluruh Negara. Asia Tenggara merupakan pengeluar utama getah asli. Sebelum getah jenis *Hevea Brasiliensis* diperkenalkan di NNMB, pihak British mengaut keuntungan hasil daripada pokok getah nyatoh taban merah atau lebih dikenali sebagai gutta perca yang tumbuh liar di Tanah Melayu. Hal ini telah mendorong pihak British untuk memulakan pengurusan hutan serta penyelidikan perhutanan di Tanah Melayu. Sejarah getah *Hevea Brasiliensis* di Tanah Melayu bermula pada akhir abad ke-19⁴² apabila Sir Henry Wickham iaitu seorang ahli Botani British mengumpul sebanyak 70,000 biji benih getah dari hutan Amazon di Brazil dan dibawa ke Kew Garden di

⁴² Ooi Jin Bee. 1968. Bumi, *Penduduk dan Ekonomi Di-Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 211



England.⁴³ Selebihnya dibawa pula ke Ceylon dan Taman Botani di Singapura. Hanya Sembilan biji benih dibawa ke Kuala Kangsar, Perak.⁴⁴ Getah menjadi tanaman eksport utama di Tanah Melayu kerana hasilnya yang lumayan. Penanaman getah secara komersil bermula tahun 1900 dan seterusnya berkembang hingga menyumbang kepada pendapatan eksport yang paling tinggi di Tanah Melayu. Tanah Melayu dan Singapura merupakan pembekal dan pengeluar utama kepada Amerika Syarikat.

1.8.2 Harga Pasaran

Menurut Graham Bannock, harga adalah sesuatu yang perlu diberikan sebagai pertukaran bagi sesuatu barang. Harga biasanya dinyatakan dalam jumlah wang komoditi per unit (sama ada barang atau perkhidmatan).⁴⁵ Manakala, pasaran pula adalah satu situasi yang dicipta oleh penjual barang atau perkhidmatan dengan pembeli bagi tujuan pertukaran.⁴⁶ Menurut Fatimah Mohamed Arshad dalam bukunya yang berjudul *Analisis Pemasaran Pertanian di Malaysia: Keperluan Agenda Pembaharuan* menyatakan bahawa pasaran ditakrifkan sebagai perhubungan pertukaran dicirikan oleh unit-unit firma yang beroperasi dalam suasana persaingan yang berbeza. Walau bagaimanapun, dalam konteks

⁴³ J. Sharmila A/P V. Janardhanan. "Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Instotut Penyelidikan Getah Malaysia (RRI) Dari Tahun 1926-1975. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 4

⁴⁴ Noordin Wan Daud, Shafar Jefri Mokhtar, Che Fauziah Ishak. 2012. Assessment of Selected Hevea Brasiliensis (RRIM 2000 Series) Seeds for Rootstocks Production. *AJAR*. Vol. 7(21): 3209-3216

⁴⁵ Graham Bannock. et.al. 1972. *The Economist Books: Dictionary of Economics*. London: Profile Books Ltd.

Hlm: 262

⁴⁶ *Ibid.* hlm 326



pertanian, ruang lingkup pemasaran dipengaruhi oleh pembangunan dan kemajuan sesuatu sektor. Perkembangan seperti perdagangan dan persaingan yang lebih terbuka antara Negara pengeluar.⁴⁷

Dapat dirumuskan dalam istilah ekonomi, harga membawa definisi jumlah wang yang perlu dibayar untuk memperoleh sesuatu produk yang diberikan oleh penjual kepada pengguna atau pembeli. Dalam erti kata lain, harga juga ukuran nilai terhadap sesuatu produk. Manakala pasaran pula membawa maksud satu cara atau kaedah pertukaran barang dan perkhidmatan sama ada secara langsung atau melalui ejen atau institusi yang menjadi pengantara. Dalam erti kata lain, pasaran merupakan tempat sesuatu barang atau perkhidmatan dibeli dan dijual. Harga pasaran pula membawa maksud harga keseimbangan dalam pasaran ekonomi atau ekonomi bebas seperti yang diterangkan oleh Frank N. Magill.⁴⁸ Dalam kajian ini, harga pasaran adalah merujuk kepada harga pasaran bagi sesuatu komoditi iaitu getah yang diusahakan oleh pihak British di Tanah Melayu dan diperdagangkan atau dieksport ke Negara-negara Barat yang lain bagi mengaut keuntungan.

⁴⁷ Fatimah Mohamed Arshad. 2002. *Analisis Pemasaran Pertanian Di Malaysia: Keperluan Agenda Pembaharuan*. Universiti Putra Malaysia. Hlm 5

⁴⁸ Frank N. Magill. 1997. *International Encyclopedia of Economics*. London: Fitzroy Dearborn Publishers. Hlm 933



1.9 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif.⁴⁹ Pengkaji menganalisis data-data maklumat daripada sumber-sumber yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Analisis yang dilakukan ini digunakan bagi menjawab permasalahan kajian. Sumber sejarah tersebut adalah sumber primer misalnya *Colonial Office (C.O)*, *Selangor Annual Report*, *Perak Annual Report*, dan *Annual Report Federal Malay State (F.M.S)* serta Dokumen Rasmi Kerajaan. Selain itu, kertas kerja juga diperoleh dalam mendapatkan maklumat berkaitan tajuk kajian penyelidik.

Bagi mendapatkan sumber sekunder, penyelidik membuat penyelidikan di beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selain itu, penyelidik juga mendapatkan sumber di Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai getah yang dihasilkan. Bagi memperoleh data atau statistik harga pasaran dan juga jumlah hasil eksport dan import tanaman getah, penyelidik mendapatkan sumber di Institusi Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Slim River, Perak.

⁴⁹ Pendekatan kualitatif merupakan pendekatan penulisan yang menerangkan lebih lanjut daripada hanya mendedahkan sesuatu objek. Lihat, Bilcher Bala. 2000. *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 112



Bagi menjadikan hasil penyelidikan ini lebih menarik dan berkualiti, penyelidik menggunakan beberapa kaedah penulisan. Kaedah naratif⁵⁰ digunakan untuk menceritakan secara sistematik mengenai perkembangan industri getah di Negeri- Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang bermula pada tahun 1900 sehingga menjadi eksport terpenting dan terbesar di dunia. Kaedah penulisan berbentuk deskriptif⁵¹ juga digunakan dalam penulisan ini. Kaedah ini penting untuk menghuraikan maklumat dengan lebih terperinci. Seterusnya, kaedah penulisan berbentuk analisis⁵² turut digunakan dalam penulisan ini kerana kaedah ini penting untuk menjawab beberapa persoalan penting, menilai dan meneliti kesan ketidakstabilan harga pasaran getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Penyusunan kandungan tesis disusun secara tematik dengan membuat pembahagian kepada tema tajuk dan subtajuk yang sesuai sebagaimana dalam penyataan masalah kajian. Seterusnya kaedah penjelasan digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini digunakan dalam bentuk penjelasan nota kaki (*footnote*) di bawah helaian muka surat.

⁵⁰ Kaedah penulisan naratif merupakan satu kaedah yang lebih menjurus kepada penceritaan dan kaedah ini menggunakan kronologi dalam menceritakan semula peristiwa yang berlaku. Kaedah ini memerlukan seseorang penulis untuk mengingat kembali peristiwa yang berlaku dan menceritakannya semula agar lebih kemas dan tersusun. Penulisan berbentuk naratif ini sangat sesuai untuk jenis penulisan seperti biografi, novel, cerita pendek, autobiografi dan sebagainya. Lihat, Bilcher Bala, *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*, hlm 111

⁵¹ Penulisan kaedah bentuk deskriptif lebih menitikberatkan penghuraian yang terperinci. Deskriptif membawa maksud penerangan yang melibatkan lebih jauh daripada hanya memberitahu tentang sesuatu subjek. Kaedah ini dapat membantu memaparkan atau mendedahkan sesuatu perkara agar mudah untuk difahami. *Ibid*, hlm 112.

⁵² Kaedah penulisan berbentuk analisis atau analitikal ini dapat memberikan gambaran yang lebih kritis dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah. Dengan menggunakan kaedah ini, penyelidik berupaya untuk mengupas sesuatu peristiwa dengan berdasarkan sumber yang ada. Selain itu, segala jenis persoalan seperti mengapa, bila, bagaiman dan siapa dapat dijawab dengan jelas. *Ibid*, hlm 110



1.10 Pembahagian Bab

Penulisan ini mengandungi enam bab. Bab pertama merupakan bahagian pengenalan kepada tajuk yang dipilih oleh penyelidik iaitu *Harga Pasaran Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1900-1941* dan juga merupakan pendedahan awal secara ringkas dan umum berkaitan tajuk penyelidik. Penelitian dalam membuat maklumat awal seperti pengenalan kepada kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, tinjauan kajian lepas dan definisi istilah diterangkan dalam bab ini. Ringkasan bab ini mengandungi bab pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam.



05-4506832

Dalam bab kedua, antara butiran dan inti pati yang dikupas oleh penyelidik adalah mengenai latar belakang industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang diperkenalkan oleh British sebagai tanaman baru di Tanah Melayu bagi menggantikan tanaman tradisional yang diusahakan oleh masyarakat tempatan. Ia sangat penting sebagai gambaran awal kesinambungan kajian serta maklumat asas yang memberikan idea kepada penyelidik untuk meneruskan kajian mengenai perkembangan harga pasaran getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Selain itu, dalam bab kedua ini juga menyentuh mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak British dalam mengembangkan penanaman getah bagi mencapai matlamat mereka di Tanah Melayu.

Dalam bab ketiga pula, penyelidik membincangkan mengenai perkembangan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

sepanjang pihak British dan pemodal Eropah melibatkan diri dalam penanaman getah yang bermula pada tahun 1900 hingga tahun 1941. Dalam bab ini juga penyelidik menyentuh dasar-dasar yang diperkenalkan oleh British bagi mengatasi masalah ketidakstabilan harga semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1920-an dan 1930-an.

Dalam bab yang keempat, penyelidik menjelaskan faktor-faktor ketidakstabilan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Penyelidik menyentuh beberapa aspek yang mempengaruhi ketidakstabilan hasil getah pada harga pasaran dengan lebih terperinci dan mendominankan faktor yang lebih mempengaruhi ketidakstabilan harga getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).



05-4506832



Dalam bab lima, penyelidik menghuraikan kesan-kesan ketidakstabilan hasil pengeluaran getah pada harga pasaran di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Kesan-kesan ini merangkumi keseluruhan aspek seperti kesan kepada pihak British, ekonomi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, pemodal Eropah dan masyarakat serta persekitarannya.

Bab enam merupakan bab yang terakhir yang ditulis oleh penyelidik. Bab enam secara ringkasnya merupakan bab yang akan menyimpulkan keseluruhan isi yang dibincangkan oleh penyelidik di dalam bab dua, bab tiga, bab empat dan bab lima. Di samping itu, dalam bab enam ini juga penyelidik akan menyatakan sama ada penyelidik berjaya mencapai objektif kajian berkaitan dengan tajuk yang dipilih iaitu *Harga Pasaran*.





Getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1900 -1941 seperti yang dinyatakan dalam kertas cadangan kajian.

1.11 Kesimpulan

Perkembangan industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) serta perkembangan harga pasaran getah pada zaman kolonial British yang bermula pada tahun 1900 hingga tahun 1941 berlaku kerana ledakan permintaan yang tinggi terhadap getah ekoran daripada tercetusnya Revolusi Perindustrian di Eropah. Permintaan getah sangat tinggi hingga getah menjadi satu tanaman terpenting dan terbesar di dunia. Walau bagaimanapun, kegemilangan industri ini tidak kekal lama kerana berlakunya kemelesetan ekonomi dunia dan Perang Dunia Pertama.



Peperangan ini menyebabkan Tanah Melayu turut terkena tempias. Justeru, industri getah diberhentikan. Pelabur-pelabur Eropah turut tidak berminat untuk melibatkan diri dalam industri getah di Tanah Melayu dan pengeksportan getah juga gagal dilaksanakan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak British bagi memulihkan keadaan ekonomi di Tanah Melayu serta meningkatkan semula permintaan terhadap getah misalnya memperkenalkan Sekatan Stevenson pada tahun 1922 namun gagal dan seterusnya memperkenalkan Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa pada tahun 1934. Perjanjian ini berjaya meningkatkan harga getah dan permintaan terhadap getah meningkat semula. Walau bagaimanapun, pada tahun 1941 industri getah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu diberhentikan ekoran serangan Jepun ke atas Tanah Melayu.

